

Proses ekstradisi warga asing pertama APMM jadi garis panduan

Senai: Proses ekstradisi lapan warga Indonesia yang didakwa merompak kapal tangki MT Orkim Harmony adalah yang pertama dilaksanakan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Ketua Pengarah APMM, Laksamana Maritim Datuk Seri Ahmad Puzi Ab Kahar berkata, proses ekstradisi yang pertama dilaksanakan pihaknya itu akan dijadikan contoh kes bagi menambah baik garis panduan jika berlaku kes seumpama itu pada masa akan datang.

"Ini kali pertama bagi APMM melaksanakan proses ekstradisi warga asing yang dibawa ke negara kita untuk didakwa.

"Secara jelasnya, kami ingin menyatakan bahawa pelaksanaan proses perundangan ini sudah dilaksanakan dengan seberapa baik yang boleh," katanya ketika sidang media di Senai Business Aviation Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS) di sini, semalam.

Katanya, pihaknya melakukannya kerana ingin memastikan rakyat negara ini terbelas dan APMM sudah buktikan kesungguhan, kemahiran dan kepakaran yang amat dibanggakan.

"Tentu sekali, apa yang kami rencanakan seperti klip video yang ditayangkan sebentar tadi akan dijadikan bahan pembelajaran di pusat

latihan kita untuk menambah baik operasi menghadapi kes rompakan di laut," katanya.

Terdahulu, Ahmad Puzi bersama 40 anggota APMM tiba di lapangan terbabit bagi mengiringi lapan lelaki warga asing yang didakwa merompak kapal tangki MT Orkim Harmony, pada jam 6.14 pagi semalam, selepas kela-lapan-lapan mereka diekstradisi dari Vietnam ke Malaysia untuk dihadapkan dengan pertuduhan di negara ini.

Pada Julai 2015, Ahmad Puzi mengadakan kunjungan hormat dan perbincangan awal dengan Pengawal Pantai Vietnam dan pihak berkuasa Vietnam mengenal hasrat APMM mengekstradisi lapan

lelaki berkenaan ke Malaysia.

APMM dengan kerjasama dan seliaan Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar memajukan permohonan ekstradisi itu kepada kerajaan Vietnam pada Februari lalu sebelum pihak mahkamah di negara itu memutuskan untuk semua lelaki berkenaan dan barang kes diserahkan kepada Malaysia bagi pertuduhan.

Pesawat khas yang membawa mereka berlepas dari Hanoi pada jam 1.30 pagi semalam dan dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Tinggi, di sini, untuk dihadapkan dengan pertuduhan.

Ditanya mengenai kawa-

lan ketat ke atas lapan lelaki berkenaan, Ahmad Puzi berkata, pihaknya tidak mahu membuat andaian, tetapi menganggap ada langkah yang harus diambil dalam melaksanakan tugas.

"Kami tidak mahu dalam apa jua keadaan, kami membuat andaian tertentu, namun ada langkah yang harus diambil dan kami perlu laksanakan sebaik mungkin.

"Mungkin lapan orang ini tidak menjadi masalah, tetapi kita khuatir ada pihak tertentu yang mungkin campur tangan atau mengambil tindakan yang boleh menjejaskan keselamatan.

"Kita bukan saja fikir mengenai anggota kita atau pen-

jenayah ini, tetapi bahan bukti dalam kes ini seperti peralatan yang dikumpul itu selamat dibawa bersama untuk melancarkan proses pendakwaan," katanya.



AHMAD Puzi